

Nafas, Angkasa perkasa industri ayam - PM

UM - 15/6/2022 m/s: 3

PUTRAJAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) akan terlibat dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ini bermakna Nafas dan Angkasa terlibat dalam industri

ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemprosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

Jelas beliau, Nafas menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor setahun manakala Angkasa sebanyak 30 juta ekor setahun.

“Kerajaan menyambut baik inisiatif Nafas dan Angkasa untuk terlibat secara signifikan dalam industri ternakan ayam selaras dengan saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam

dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah menjamin sekuriti makanan negara.

Ismail Sabri berkata, Nafas dan Angkasa akan lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam.

Bagi tujuan itu, Nafas men-

genal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam dengan tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

Angkasa pula mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar tanah di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

“Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini,” katanya.

Perdana Menteri turut meminta Angkasa menerajui sektor koperasi dalam menangani kenaikan kos sara hidup.